



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

TAMBAHAN MASA UNTUK MENGEMUKAKAN BORANG BE SECARA E-FILING

Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, tarikh akhir untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) iaitu Borang BE Tahun Taksiran 2014 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ialah pada 30 April 2015.

Namun demikian, bagi terus menggalakkan pembayar cukai menggunakan kemudahan e-Filing untuk menghantar Borang BE mereka, LHDNM bersetuju untuk memberikan tambahan masa selama 15 hari lagi. Ini bermakna tarikh akhir menghantar Borang BE Tahun Taksiran 2014 melalui e-Filing ialah pada 15 Mei 2015. Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Contoh:

Tarikh akhir menghantar Borang BE Tahun Taksiran 2014 adalah 30 April 2015. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Mei 2015 bagi e-Filing Borang BE (e-BE) Tahun Taksiran 2014. Jika pembayar cukai mengemukakan Borang BE Tahun Taksiran 2014 secara e-Filing (e-BE) pada 16 Mei 2015, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Mei 2015 dan boleh dikenakan penalti lewat hantar borang di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 (Kadar Penalti Maksimum ialah 3 kali ganda daripada amaun cukai dikenakan).

Dalam contoh di atas, jika pembayar cukai menghantar e-Filing Borang BE Tahun Taksiran 2014 pada mana-mana tarikh sebelum 15 Mei 2015 dan mempunyai baki

cukai kena di bayar misalnya berjumlah RM100.00 maka mereka perlu lunaskan amaun ini selewat-lewatnya juga pada 15 Mei 2015.

Harap maklum bahawa tarikh akhir 15 Mei 2015 ini tidak terpakai kepada kaedah penghantaran Borang BE secara borang kertas atau manual. Di mana tarikh akhir penghantaran Borang BE bagi kaedah ini kekal pada 30 April 2015.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)

Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 019-2220034 | 03-8313 8888 samb. 21326 / 21313 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 29 April 2015